

Perniagaan kecil beri impak positif kepada ekonomi

KUALA LUMPUR - Langkah membenarkan warga kota untuk menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan telah memberikan impak positif kepada ekonomi ketika negara sedang menghadapi krisis kesihatan, menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana memberi kebenaran kepada rakyat membuka gerai di sekitar bandar raya ini bermula 15 November lalu.

"Saya mendapat banyak respons positif daripada peniaga dan pekerja di pasar borong ini," katanya ketika meninjau Pasar Borong Kuala Lumpur pagi semalam.

Dalam lawatan tersebut,



MUSTAPA (tengah) bergambar bersama wakil DBKL dan peniaga Pasar Borong Kuala Lumpur semalam.

Mustapa yang diiringi Pengarah Eksekutif (Perancangan) DBKL, Sulaiman Mohamed turut mengadakan dialog dengan pekerja dan peniaga di pasar berkenaan.

Jelasnya, antara isu yang dibangkitkan mereka ialah soal perlindungan sosial dan lesen perniagaan.

"Ramai pekerja di sini tidak mencarum dalam Kumpulan

Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) manakala ada juga peniaga tidak mempunyai lesen.

"Seorang peniaga yang saya

temui, Che Ismail Che Mat, 55, sudah berniaga di pasar borong ini lebih 10 tahun namun masih tidak mempunyai lesen," katanya.

Menurut Ahli Parlimen Jeli itu lagi, Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) akan menjadi penghubung di antara peniaga serta pekerja dengan pihak berkenaan bagi menyelesaikan isu-isu yang berbangkit dan perlindungan sosial merupakan antara perkara yang diberi keutamaan.

Sementara itu, Sulaiman berkata, pihaknya telah menggantikan pekerja asing di pasar borong tersebut dengan pekerja tempatan.

Tambahnya, DBKL turut menyediakan beberapa tempat penginapan sebagai asrama untuk pekerja tempatan di Pasar Borong Kuala Lumpur dan permohonan untuk kemudahan itu akan dibuka pada Januari ini.